

# **IBRAH DARI PERANG BADAR**

---

**OLEH : NORFAIZAH BINTI YAHYA**

**PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM UITM SHAH ALAM**

# PENGENALAN

---

Ramadan bukan hanya bulan suci bagi umat Islam. Di bulan ini, umat Islam diwajibkan untuk menahan diri dari lapar dan dahaga serta menghindari amarah. Ramadhan juga merupakan bulan suci saat Al-Quran diturunkan. Namun, di bulan suci ini pula, pernah terjadi peperangan yang sangat dahsyat dan bererti dalam kehidupan umat Islam.

Salah satu peperangan tersebut adalah PERANG BADAR.

Perang Badar Al Kubra terjadi pada bulan Ramadan tahun kedua sesudah Hijrah. Umat Islam berhasil memenangi perang ini. Dalam sejarah, inilah kemenangan agung pertama pejuang-pejuang Islam menentang kemusyikan dan kebatilan. Kisah Perang Badar adalah peristiwa yang paling terkenal dan sangat banyak terdapat hikmah dan pelajaran di dalamnya.

# APA ITU PERANG BADAR?

---

- Menurut Dewan Bahasa & Pustaka, perang bermaksud perjuangan, pertempuran di suatu medan (tempat)
- Perang Badar pula bermaksud perang yang berlaku di suatu tempat bernama Badar pada 17 Ramadhan tahun ke-2 Hijrah.
- Badar merupakan suatu kawasan yang dikelilingi gunung-gunung tinggi.
- Kawasan Badar ini terletak diantara Mekah & Madinah serta memiliki 3 buah celah iaitu :
  1. Celah dari selatan yang merupakan pinggir lembah yang jauh.
  2. Celah dari utara yang merupakan pinggir lembah yang dekat
  3. Celah dari arah timur yang merupakan laluan masuk ke Madinah

# PUNCA BERLAKUNYA PERANG BADAR

---

## I. Kebencian Abu Jahal terhadap Rasulullah

- Sesungguhnya, Rasullah lahir daripada keturunan Bani Hasyim daripada suku Quraisy. Setelah Rasullulah dilantik sebagai nabi pada umur 40 tahun, kegiatan dakwah beliau banyak di sokong dan dibela oleh Pakciknya iaitu Abu Talib.
- Namun, kematian Abu Talib memberikan satu peluang kepada Abu Jahal dan kaum musyrikin lain untuk menguasai Mekah disamping menolak segala dakwah yang disampaikan oleh Rasulullah.
- Bertitik tolak dari itu, pelbagai rancangan dilakukan oleh Abu Jahal untuk mengusir Rasulullah serta mereka yang menyertai Islam agar keluar dari Kota Mekah.

## 2. UMAT ISLAM DITINDAS

---

- Perlakukan buruk kaum kafir Quraisy terhadap umat Islam bukan setakat berlaku di Mekah, malahan semasa proses penghijrahan umat Islam juga ditindas dan dilayan dengan tidak sewajarnya.
- Kaum Quraisy yang memelukan Islam ketika itu dikeluarkan daripada suku mereka serta dianggap suatu penghinaan kerana mengikuti ajaran yang dibawa oleh Rasulullah dan bukannya menyembah berhala Latta & Uzza yang merupakan turun temurun dari nenek moyang mereka.

### 3. PERAMPASAN HARTA BENDA & PENGUSIRAN UMAT ISLAM

---

- Sejak Nabi Muhammad S.A.W menyebarkan dakwah secara terang-terangan pada penduduk Mekah, ramai yang mengambil tindakan dengan memeluk agama Islam terutamanya bagi yang berstatus fakir miskin.
- Hal ini menyebabkan, kaum musyrikin Mekah melakukan penindasan dan menghalalkan pembunuhan kepada kaum Muslimin.
- Bukan itu sahaja, penghijrahan umat Islam dari Mekah ke Madinah tanpa dibenarkan membawa sebarang harta mereka menjadi rentetan kepada berlakunya perang Badar tatkala harta umat Islam menjadi sasaran rampasan mereka.

# KRONOLOGI PERANG BADAR

---

1. Rasulullah telah diberitahu oleh seseorang bahawa terdapat kafilah sekitar 40 orang yang membawa pelbagai hasil dagangan dengan dipimpin oleh Abu Sufyan dengan membawa pelbagai barang dari Syam (Syria) ke Mekah.
2. Rasulullah segara menghantar kaum Muslimin untuk menyekat kafilah itu ekoran barang yang dibawa oleh mereka merupakan harta milik kaum muhajirin yang didagangkan dan dirampas serta dijual sewaktu mereka berhijrah ke Madinah.
3. Kaum Muslimin mula menuju ke Badar kerana kawasan itu merupakan laluan kafilah dan dikelilingi telaga, kebun kurma dan menjadi tempat untuk kafilah berehat seketika.

# SAMBUNGAN KRONOLOGI

- 
- 4. Rasulullah melalui jalan lain untuk sampai ke Badar agar perkara ini tidak diketahui oleh pihak musuh iaitu kaum Musyrikin.
  - 5. Perkhabaran tentang kaum Muslimin telah sampai ke Badar telah diketahui oleh Abu Sufyan dan beliau mengarahkan Dhamdham bin Amru al-Ghfari untuk memberitahu kepada kaum Quraisy di Mekah.
  - 6. Hal ini menyebabkan sekitar 1300 orang berkumpul dan berminat untuk menyertai perperangan di Badar
  - 6. Namun, seorang bijak pandai iaitu al-Ahnaf bin Syuraiyah berkata ‘ jika kalian menghadapi Muhammad, maka kalian akan membunuh saudara, anak kalian sendiri. Dan jika Muhammad mengalahkan kalian bererti itu merupakan kekalahan bagi bangsa arab.

## SAMBUNGAN KRONOLOGI

---

7. Seramai 300 orang dari Bani Adi tidak menyertai perang ini.
8. 1000 orang dari kaum kafir Quraish Mekah telah bersungguh menyertai perang ini dan menuju ke Badar dengan angkatan yang besar dan penuh bersemangat untuk menentang Rasulullah dan tentera Muslim.
9. Oleh yang demikian, bermulalah rentetan perang diantara Muslim dan Kafir Quraish sehingga digelar sebagai Perang Yaumul Furqan (Hari Pembeza Kebatilan dan Kebenaran).

# STRATEGI RASULULLAH DALAM PERANG BADAR

---

- I. Merahsiakan identiti sewaktu merisik tentang pergerakan Kaum Quraisy melalui seorang lelaki tua.

Dalam hal ini, Rasulullah menegur seorang lelaki tua yang melalui Kawasan Badar agar memberitahu tentang pergerakan kaum Quraisy dan Muhammad serta Rasulullah dan Abu Bakar tidak menyatakan Identiti mereka berikutan tidak mahu lelaki tua itu mengesyaki bahawa yang bertanya itu adalah Nabi Muhammad yang juga bakal menyertai peperangan ini.

## 2. MENGAHANTAR PERISIK UNTUK MENGETAHUI MAKLUMAT MUSUH

---

- Ali bin Abi Talib, Az-Zubair dan Saad bin Abi Waqash dihantar oleh Rasulullah untuk mendapatkan maklumat
- Pelayan Bani Al-Ash yang telah memeluk Islam dibawa ke Rasulullah.
- Beliau menyatakan tentera Quraisy adalah seramai 10 ekor Unta iaitu bersamaan 1000 orang ( 1 ekor unta sembelihan seramai 100 orang memakannya)
- Anta pembesar yang terlibat ialah Walid bin Utbah serta Abu Jahal.

### 3. MENGADAKAN MESYUARAT BERSAMA PARA SAHABAT

---

- Rasulullah mengadakan mesyuarat berikutan untuk berbincang tentang pelbagai perkara sekligus berikutan untuk menaikkan semangat kaum Muslimin agar tidak takut berperang.
- Lalu turun ayat dari Surah al-Anfal 5-7.
- Abu Bakar,Umar, Miqdad bersetuju menyertai peperangan.
- Saad bin Muadz yang merupakan wakil dar kaum Anshor juga setuju untuk bersama-sama dalam peperangan ini
- Kaum Muhajirin seramai 80 orang sahaja dan kaum Ansor pula adalah selebihnya yang turut serta dalam peperangan ini.
- Hasilnya, seramai 313 orang tentera Muslim yang berminat menyertai peperangan dan bersama-sama menegakkan agama Tauhid ini.

## 4. MEMBINA MARKAS PERANG DI BADAR

---

Habbab bin Al-Mundzir menyatakan beberapa pandangan kepada Rasulullah untuk mengalahkan pihak musuh berdasarkan kedudukan Geografi di lembah Badar iaitu:

- i. Menimbun telaga-telaga yang berdekatan markas Kaum Musyrikin
- ii. Membuat tasik berdekatan markas tentera Muslim dan mengisi air
- iii. Anak-anak muda dibawah pimpinan Saad bin Muadz menjadi pengawal Rasulullah
- iv. Menanda beberapa tempat sebagai pusat Komando, tempat penanaman mayat bagi yang syahid serta musuh Islam yang tewas di medan pertempuran ini.

## 5. TAHAJUD SEBELUM BERPERANG

---

- Rasulullah bangun ditengah malam untuk bertahajud sehingga pagi.
- Dengan sisa yang ada Rasulullah bersujud berdekatan dengan sebuah pohon kurma.
- Hal ini berikutnya merupakan perang pertama yang perlu dilalui umat Islam secara besar-besaran selepas berlakunya Hijrah.
- Allah telah menghantar bantuan pada malam itu dengan menurunkan hujan yang lebat kepada kaum Musyrikin agar mereka tidak menyerang pasukan Islam.
- Hujan yang Allah turunkan juga hanya dirasai gerimis biasa sahaja oleh pasukan tentera Muslim berikutnya Allah menurunkan hujan untuk memadatkan tanah, melenyapkan gangguna syaitan dan menjadikan markas tentera Quraisy berair dan sedikit banjir.

## 6. MENEGUHKAN BARISAN TENTERA

---

- Tentera berkuda dihadapan dan tentera pemanah di belakang.
- Rasulullah juga mengarahkan agar tidak melakukan serangan secara terburu-buru dan hendaklah mengikut arahan.
- 3 orang tentera Muslim iaitu Ubaidah bin Al-Harith, Hamzah dan Ali berlawan dengan 3 orang tentera kafir Quraisy iaitu Utbah, syaiobah dan Walid.
- Ketiga pihak musuh berjaya dikalahkan oleh tentera Muslim dan menyebabkan api kemarahan dalam kalangan musuh.

# PERTOLONGAN ALLAH KEPADA KAUM MUSLIM

---

- 1000 malaikat diturunkan secara berturut-turut untuk membantu pasukan tentera Muslim.
- Malaikat Jibril menunggang kuda dan mengetuai tentera dari kalangan para malaikat.
- Para malaikat membantu dengan menebas kepala dan jari jemari musuh sehingga tentera Quraisy lari bergelimpangan.
- Iblis menyamar menyerupai Suraqah bin Malik dengan menaikkan semangat tentera Qurasyi lalu dilihat malaikat dan dikejar sehingga iblis terjun ke Laut Merah.
- Abu Jahal akhirnya tumpas apabila Berjaya dibunuh oleh Muadz dan Muawwaz serta kepalanya dipenggal oleh Abdullah bin Mas'ud.

# GOLONGAN YANG SHAHID DI JALAN ALLAH

---

- 14 orang tentera muslim syahid yang terdiri dari 6 orang kaum Muhajiran dan 8 orang dari Ansor.
- Makam para syuhada terletak di lapangan Badar dan sehingga ke hari ni kubur para syuhada Badar masih boleh dilihat atau dilawati.
- Seramai 70 orang kaum Musyrikin telah terbunuh dan 24 daripadanya merupakan dalam kalangan pembesar-pembesar arab.
- Musuh Islam di kuburkan di telaga mati dan bagi yang ditawan pula dibawa pulang untuk didenda.

## KEAJAIBAN PERANG BADAR

---

- Pedang Ukasyah bin Mukhsin yang patah semasa perang Badar telah diganti oleh Rasulullah dengan sebatang ranting kayu.
- Dengan mukjizat Rasulullah, ranting kayu yang di gerakkan oleh Rasulullah bertukar menjadi pedang yang tajam panjang dan berkilat serta putih warnanya.
- Pedang itu dinamakan Al-Aun dan terus mendampingi Ukasyah sehingga beliau gugur syahid sewaktu menentang golongan Murtad.

## PUNCA KEKALAHAN KAUM QURAISY

---

- Berpesta selama 3 hari meminum-minuman keras
  - Mendendangkan lagu-lagu diiringi wanita-wanita
  - Sombong dengan kekuatan 1000 orang tentera

# HIKMAH PERANG BADAR

---

Kemenangan dalam Perang Badar dengan pertolongan Allah telah menjadi bukti akan kebenaran ajaran yang dibawa oleh Rasulullah. Hal ini menjadi pengajaran kepada umat Islam agar sentiasa berpegang teguh dan menyerahkan segala urusan kepada Allah. Perang Badar yang berlaku pada bulan Ramadhan ini menjadi satu momentum bahawa Allah mengaturnya dari awal hingga akhir. Hal ini juga menjadi tanda bermulanya era baharu dengan kuasa pemerintahan yang dibawa oleh Rasulullah dalam menjadi tonggak ke arah negara Islam yang syumul.